

# Asia jangan tunduk kepada kuasa Barat

Um - 12/10/2004: 3 Perdana

SINGAPURA 11 Okt. — Tun Dr. Mahathir Mohamad menggesa para pemimpin Asia hari ini supaya jangan lagi tunduk kepada kuasa Barat.

Bekas Perdana Menteri itu memberi amaran jika mereka terus bersikap sedemikian, ini akan mengundang pemberontakan di dalam negara dan serangan pegganas.



DR. MAHATHIR

Beliau berkata demikian dalam syarahan mengenai demokrasi dan kepimpinan Asia di sebuah universiti di Singapura.

Minda Asia masih 'dijajah' oleh pengaruh Barat, tegas Mahathir, 79.

"Para pemimpin Asia dan penduduk Asia

umumnya belum lagi mencapai kebebasan berfikir dan kebebasan untuk melihat secara kritis segala idea dan ideologi yang datang dari luar Asia.

"Mereka masih terhutang budi kepada warga Eropah. Mereka masih terlalu fokus kepada Eropah. Ramai antara mereka berasa bersalah kerana menyangka mereka telah jauh tercicir daripada standard yang dituntut daripada mereka oleh warga Eropah," katanya.

Mahathir menegaskan, penduduk Asia sedang menantikan seorang pemimpin berwibawa daripada sebuah negara berwibawa.

"Pemimpin yang terlalu tunduk kepada warga Eropah jangan terkejut jika rakyat mereka bangkit menentang mereka atau melakukan tindakan keganasan," katanya.

"Pemimpin Asia mempunyai pilihan. Tunjukkan kepimpinan sebenar, ambil inisiatif dari segi idea dan pemikiran serta kembalikan maruah diri. Jika tidak, hadapi situasi memalukan apabila negara

dipengaruhi oleh kuasa asing dan diri dibenci oleh rakyat sendiri."

Mahathir menyelitkan ucapannya dan sesi soal-jawab yang menyusul dengan kenyataan-kenyataan pro-Asia dan anti-Barat.

"Penduduk Asia sudah bertamadun lama sebelum penduduk Eropah mencapai tamadun. Mereka seharusnya belajar daripada kita," tegasnya. — AFP